

MELAWAN NARATIF-NARATIF ISLAMIC STATE DI IRAQ DAN SYRIA (ISIS) a.k.a AD DAWLA AL ISLAMIYYA FI IRAQ WA ASH SHAM (DAESH); APA YANG PERLU ANDA KETAHUI DAN BAGAIMANA MELAWAN NARATIF-NARATIF TERSEBUT ?



Pelbagai usaha dan tindakan telah dilakukan oleh banyak pihak yang terlibat dengan usaha melawan naratif serta propaganda *Islamic State in Iraq and Al Sham* (ISIS) yang juga dikenali sebagai *Ad Dawla Al Islamiyyah Fi Iraq Wa Ash Sham* (DAESH). Namun begitu, usaha melawan naratif-naratif ISIS ini dilihat masih kurang berkesan kerana masih ada segelintir umat Islam amnya dan segelintir anggota ATM khususnya yang masih terlibat dengan fenomena ISIS ini. Melalui kaji selidik yang telah dilaksanakan serta maklumbalas dari program-program ceramah yang telah dilaksanakan oleh Task Force PERISAI WIRA, masih ada segelintir anggota ATM yang tidak memahami naratif-naratif yang disebarkan oleh ISIS melalui saluran propaganda mereka terutamanya melalui platform media sosial.

Memahami naratif-naratif ISIS adalah perkara yang amat penting kerana ini lah punca yang menyebabkan masih ada segelintir umat Islam dan anggota ATM cenderung menyokong atau bersimpati dengan perjuangan ISIS. Malah disebabkan ketidakfahaman serta kekeliruan umat Islam tentang naratif ISIS menyebabkan mereka menganggap bahawa perjuangan ISIS untuk menegakkan *Khilafah Islamiyah* itu sebagai satu tuntutan agama tanpa menyedari bahawa agama Islam hanyalah dijadikan sebagai alat untuk meraih sokongan, merekrut pengikut, menggalakkan umat Islam berhijrah ke *Khilafah Islamiyah* ciptaan mereka dan seterusnya mewajibkan umat Islam berbai'ah kepada Abu Bakar Al Baghdadi selaku Khalifah bagi seluruh umat Islam di dunia ini. Justeru, artikel ini dikeluarkan bagi menangkis serta melawan naratif-naratif ISIS agar umat Islam tidak lagi terkeliru dengan propaganda ISIS serta tidak lagi menyokong perjuangan utopia ISIS untuk menegakkan sebuah *Khilafah Islamiyah*.

Apakah yang dimaksudkan dengan Naratif?

Naratif adalah kepercayaan yang biasa di dengar atau dipercayai. Ia adalah proses penceritaan ('storytelling') untuk memujuk pendengar untuk mempercayai sesuatu cerita. Naratif adalah penceritaan yang sangat berpengaruh berdasarkan beberapa peristiwa yang telah berlaku dalam catatan sejarah dan ia tertanam dalam benak fikiran manusia menerusi budaya, aktiviti masyarakat atau amalan sesuatu organisasi. Oleh kerana sesuatu naratif atau kepercayaan itu telah lama sebatu dan diceritakan atau dipraktikkan, maka sesuatu perkara atau amalan itu dilihat seperti mempunyai kebenarannya. Sebenarnya, kesahihan atau kebenaran sesuatu perkara tersebut masih boleh dipertikaikan, tetapi disebabkan ia telah menjadi sebatu dalam amalan dan kepercayaan masyarakat dan tidak pernah dicabar, maka naratif-naratif tersebut diterima sebagai satu kebenaran tanpa usul periksa. Dalam konteks agama Islam pula, naratif-naratif ini disandarkan pula dengan pelbagai ayat dari Al Quran serta hadis-hadis sehingga menyebabkan umat Islam menyangka bahawa ia sebagai satu kebenaran.

Melawan Naratif (countering narratives) pula adalah merupakan tindakan berlawanan untuk mematahkan propaganda atau sesuatu kepercayaan tersebut. Ia melibatkan hujah-hujah untuk mematahkan kepercayaan yang dianggap betul selama ini. Ia juga menawarkan pandangan yang berbeza serta cara berfikir yang berbeza untuk melawan kepercayaan tersebut. Dalam konteks melawan naratif-naratif oleh ISIS, banyak perkara yang perlu dilakukan bagi menangkis dakyah, propaganda dan *mantra* mereka agar umat Islam tidak terpesong ke arah menyokong perjuangan ISIS. Umat Islam dinasihatkan agar mengkaji peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku dalam sejarah Islam dan menganalisa tafsiran-tafsiran hadis yang berkaitan agar sesuatu kebenaran itu tidak dipesongkan.



Tujuan dan Naratif Utama ISIS

Tujuan naratif-naratif ISIS disebarkan menerusi pelbagai medium serta platform terutamanya media sosial adalah untuk merekrut, menarik sokongan, mendapatkan simpati, memberi tafsiran yang sempit tentang agama, mencari pengaruh, memanipulasi fakta dan memainkan sentimen agar umat Islam seluruh dunia menyokong perjuangan mereka.

Naratif ISIS yang **paling utama adalah seruan mengajak umat Islam untuk kembali kepada zaman Khilafah**. Dalam konteks ini, ISIS cuba menghidupkan kembali perjuangan untuk menegakkan sebuah *Khilafah Islamiyah* yang pernah menjadi zaman kegemilangan umat Islam ketiga suatu waktu dahulu. Malah, ISIS pergi lebih jauh lagi dengan membuat deklarasi bahawa semua umat Islam kini berkewajipan untuk menegakkan sebuah Khilafah Islamiyah dan sesiapa

yang tidak menyertai gerakan mereka di kira murtad. Penegakan sebuah *Khilafah Islamiyah* acuan ISIS ini adalah merupakan naratif utama mereka dan lanjutan dari seruan untuk menegakkan sebuah Khilafah ini maka ia berkait pula dengan konsep jihad, hijrah, memerangi dan membunuh kafir harbi dan umat Islam yang telah murtad serta pelaksanaan hukum-hukum shariah dalam pemerintahan. Oleh kerana kesemua perkara ini adalah sinonim dengan umat Islam maka ramai umat Islam yang cintakan agama terkeliru dengan naratif-naratif ISIS ini.



Apakah Naratif-naratif ISIS Yang Disebarkan Kepada Umat Islam Dan Bagaimana Menangkis Naratif Tersebut

ISIS telah memainkan pelbagai isu-isu yang berteraskan agama untuk menarik serta merekrut pengikut-pengikut baru dari seluruh pelusok dunia. Isu-isu yang sedang membelenggu umat Islam serta polemik Khilafah Islamiyah yang masih tidak berkesudahan sehingga hari ini terus menjadi naratif mereka untuk menunjukkan bahawa ISIS sedang memperjuangkan apa yang dikatakan sebagai agenda Islam. Terdapat pelbagai naratif-naratif yang disebar oleh ISIS dan ia boleh dirumuskan seperti berikut:

- a. **Naratif 1 –ISIS Mengatakan Penegakan sebuah Khilafah Islamiyah adalah menjadi kewajipan Kepada umat Islam dan Semua Umat Islam Perlu Berbai’ah Kepada Khalifah Mereka.**



Bagaimana Melawan Naratif ini–Seperti yang telah dinyatakan, naratif yang paling utama disebar oleh ISIS adalah berkenaan penegakan sebuah *Khilafah Islamiyah*. ISIS mengatakan bahawa umat Islam perlu menyokong perjuangan mereka untuk menegakkan sebuah *Khilafah Islamiyah* dan sesiapa yang tidak berbai’ah menyokong atau menyertai perjuangan mereka di kira berdosa serta menjadi murtad. **Adakah perkara ini benar?**

Sebenarnya, gerakan kebangkitan umat Islam dalam rangka menegakkan kembali *Khilafah Islamiyah* telah muncul di merata pelosok dunia dengan *uslub* perjuangan yang berbeza-beza. *Khilafah Islamiyah* atau di sebut juga *Jama'atul Muslimin* adalah merujuk kepada pemerintahan yang meliputi seluruh dunia Islam. Pada saat *Khilafah* sudah tiada maka jama'ah-jama'ah yang ada di merata pelosok dunia sekarang seperti ISIS, Ikhwanul Muslimin, Jama'at al Islami, *Front Islamic Socialis*, Hizbut Tahrir, Darul Islam dan *Al Jama'ah Al Islamiyah* hanyalah merupakan *Jama'atul Minal Muslimin* atau jama'ah-jama'ah kecil dari sebahagian umat Islam yang berusaha untuk mendirikan *Khilafah Islamiyah* atau *Jama'atul Muslimin*. Justeru, kemunculan sejumlah *jama'ah minal muslimin* (jama'ah-jama'ah kecil) di merata pelosok dunia ini adalah merupakan tindakan kolektif dari usaha mereka untuk mendirikan *Khilafah Islamiyah* tersebut.

Polemik tentang *Daulah Islamiyah* atau *Khilafah Islamiyah* sebenarnya berpunca dari penafsiran tentang doktrin dan usaha untuk mengaitkannya dengan realiti umat Islam kontemporari. Kedua-dua perkara ini yang mencetuskan pelbagai konsep, pandangan, kaedah, matlamat serta gagasan yang hendak dibawa oleh pelbagai golongan yang menjadikan Islam sebagai asas perjuangan mereka. Bagi sesetengah ahli masyarakat, Islam adalah merupakan agama yang mengintergrasikan keseluruhan aspek kehidupan termasuklah kaedah berpolitik. Konsep Negara Islam atau bentuk negara itu sendiri sebenarnya tidak diterangkan dengan jelas dalam Islam (melalui Al Quran dan Sunnah) **malah dalam Islam sendiri tidak ada perintah untuk menegakkan *Khilafah Islamiyah***. Justeru, **ia bukan satu hukum yang wajib kerana jika ia merupakan satu perintah Allah S.W.T dalam Al Quran maka semua umat Islam yang tidak berjuang menegakkan *Khilafah Islamiyah* akan dikira berdosa**.

Menurut Azyumardi Azra, seorang tokoh Islam kontemporari di Indonesia, konsep *Khilafah* atau *Daulah Islamiyah* ini tidak diperlihatkan atau diperjuangkan oleh organisasi Islam yang besar di Indonesia seperti Nahdatul Ulama dan Muhammadiyah. Ini adalah kerana pemimpin-pemimpin organisasi ini percaya bahawa konsep *Khilafah* dan *Daulah Islamiyah* tersebut hanyalah ciptaan tokoh-tokoh pemikir Islam sebelum ini hasil dari pengalaman umat Islam berhadapan dengan dominasi masyarakat Barat dan praktik negara bangsa. Dalam konteks luar dari Jazirah Arab, beberapa kumpulan fundamentalis mengambil contoh dan sangat di pengaruhi oleh kumpulan dari Timur Tengah maka penampilan mereka mirip kepada apa yang berlaku di sana. Dari segi penampilan keagamaannya golongan fundamentalis ini menganut fahaman ideologi salafi radikal dan dalam pandangan politiknya mereka percaya kepada konsep '*khilafahtisme*' iaitu kepercayaan untuk menegakkan sebuah *Khilafah Islamiyah* untuk semua umat Islam di dunia ini.

Perkara pertama yang harus diakui bahawa tidak ada konsep *Khilafah Islamiyah* yang dinyatakan dalam Al Quran mahu pun hadis. Di dalam Al Quran cuma ada dinyatakan konsep *ummah* (masyarakat) yang berasaskan dua teras iaitu adil dan ihsan. *Ummah* perlu dibangunkan berasaskan kedua-dua teras ini dan bukannya konsep negara. Menurut Munawir Syadzali, bekas Menteri Agama Indonesia (1983-1993), Islam tidak mempunyai pilihan konsep atau teori tertentu tentang pembentukan sesebuah negara dan sistem pemerintahannya. Justeru, Islam tidak secara spesifik mewajibkan penganutnya untuk mendirikan negara apatah lagi sebuah negara yang bersifat teokratik. Namun begitu,

walaupun Islam tidak menentukan satu kosep yang *rigid* tentang bentuk sesebuah negara tetapi Islam memberikan nilai-nilai atau prinsip-prinsip seperti keadilan, mesyuarah dan persamaan dalam sesebuah negara.

Umat Islam harus sedar, apa yang menjustifikasikan umat Islam untuk membai'at Abu Bakar al Baghdadi? Apakah kerana dia seorang khalifah (umat Islam harus sedar bahawa dia melantik dirinya sendiri sebagai Khalifah)? Apapula yang anda fahami tentang khilafah? Khilafah menurut makna bahasa merupakan *mashdar* dari *fi'il madhi khalafa*, bererti **:menggantikan atau menempati tempatnya**. Makna khilafah menurut Ibrahim Anis (1972) adalah orang yang datang setelah orang lain lalu menggantikan tempatnya (*jaa`a ba'dahu fa-shaara makaanahu*)(Al-Mu'jam Al-Wasith, I/251). Dalam kitab Mu'jam Maqayis Al Lughah (II/210) dinyatakan, khilafah dikaitkan dengan penggantian kerana orang yang kedua datang setelah orang yang pertama dan menggantikan kedudukannya. Menurut Imam Ath Thabari, makna bahasa inilah yang menjadi alasan mengapa *as-sulthan al-a'zham* (penguasa besar umat Islam) disebut sebagai khalifah kerana dia menggantikan penguasa sebelumnya lalu menggantikan kedudukannya (Tafsir Ath-Thabari, I/199).

Umat Islam harus memahami bahawa cara perlantikan Khalifah, "maka ia tidaklah terwujud kecuali dengan penetapan *Ahlul-Halli wal 'Aqdi*. Cara perlantikannya sama sahaja sama ada melalui jalan pemilihan atau penunjukan (diisytiharkan oleh pemimpin sebelumnya)" [Al- Imaamatul-'Udhmaa oleh Ad Dumaiji hal. 40]. Sekarang, mari kita bertanya kepada ISIS, siapa nama khalifah sebelum Abu Bakar al-Baghdadi? Siapa tokoh *Ahlul-Halli wal 'Aqdi* yang menobatkan Abu Bakar al-Baghdadi sebagai khalifah? Kesemua persoalan ini tidak akan dapat dijawab oleh ISIS. Justeru, berdasarkan hujah-hujah ini umat Islam tidak perlu memberi bai'ah kepada Abu Bakar al-Baghdadi mahu pun berhijrah ke Khilafah Islamiyah ciptaan ISIS. Malah, Khilafah Islamiyah itu sendiri tidak diperintahkan dalam Al Quran dan ia bukannya menjadi kewajipan umat Islam untuk menegakkannya.

Naratif 2- ISIS Menyatakan Bahawa Jihad telah menjadi Fardu Ain (kewajipan kepada setiap individu umat Islam) dan Jihad tidak mempunyai makna lain selain dari Perang (al Qital).



Adakah Jihada Telah Menjadi Fardu Ain Kepada Semua Umat Islam?

Bagaimana Melawan Naratif ini –Untuk menangkis dan melawan naratif ini, umat Islam perlu memahami konsep dan makna jihad. Jihad mempunyai keutamaan yang besar dalam Islam dan mencakupi semua aspek kehidupan. Ada banyak perbezaan pendapat mengenai definisi jihad dalam Islam. Artikel ini akan mengupas pengertian jihad, menjelaskan perbezaan antara pembunuhan dan peperangan serta hukum keduanya. Lalu, adakah jihad itu fardhu ‘ain atau fardhu kifayah? Sejak bila jihad telah menjadi wajib bagi kaum muslimin? Apakah jihad disyariatkan untuk membela diri atau boleh menyerang terlebih dahulu? Apakah sebab dan justifikasi yang menjadikan perang terhadap kelompok kafir harbi menjadi sesuatu yang diperintahkan? Apakah ia disebabkan oleh permusuhan atau soal kekafiran, iaitu penolakan terhadap agama Islam atau kerana umat Islam di perangi? Mengapa golongan yang tidak menyertai ISIS juga diperangi? Adakah ini dinamakan jihad? Artikel ini juga akan menjelaskan perbezaan antara jihad, perang dan beberapa hal yang berkaitan dengan jihad.

Definisi Jihad

Jihad secara bahasa bermaksud “*mengerahkan segala upaya dan kemampuan, baik berupa perkataan mahu pun perbuatan*”. Definisi jihad secara syariat yang paling komprehensif diutarakan oleh Ibnu Taimiyah, “*Jihad adalah mengerahkan segala upaya demi mencapai kebenaran yang diinginkan*”. Di tempat lain, beliau mengatakan, “*Hakikat jihad adalah usaha yang bersungguh-sungguh untuk mencapai hal-hal yang diredhai oleh Allah seperti iman dan amal soleh, sekaligus untuk menolak hal-hal yang dibenci-Nya seperti kekufuran, kefasikan dan kemaksiatan.*”

Definisi tersebut mencakupi semua jenis jihad yang dapat dilakukan oleh seorang umat Islam iaitu meliputi usaha kerasnya dalam mentaati Allah dengan melaksanakan perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Ini termasuk juga usahanya dalam mengajak orang lain (Islam atau kafir) untuk mentaati Allah serta usahanya dalam memerangi orang kafir untuk meninggikan kalimat Allah dan sebagainya. Sebuah usaha dikatakan sebagai jihad jika memenuhi syarat, iaitu dilakukan ‘di jalan Allah’. Oleh kerana itu, segala usaha yang dilakukan tidak di jalan Allah S.W.T, maka tidak boleh dikategorikan sebagai jihad.

Sepertimana yang diketahui umum, bahawa semua pejuang dalam *Khilafah Islamiyah* ISIS dibayar dengan gaji (upah) serta diberikan dengan pelbagai ganjaran seperti elaun perkahwinan dan boleh berjual beli hamba tawanan perang. Justeru, ia bukan lagi merupakan jihad sebaliknya berjuang dalam *Khilafah Islamiyah* ciptaan ISIS adalah merupakan satu bidang pekerjaan. Oleh itu, adakah perjuangan sebegini dinamakan jihad? Seperkara lagi yang mesti diketahui oleh umat Islam di seluruh dunia bahawa apa yang berlaku di Iraq/Syria sekarang adalah “**perang politik**” yang menentukan siapa mendapat kuasa (politik) dan siapa yang mengawal sumber alam (minyak). Justeru, perang politik bukan medan jihad!.

Peringkat-peringkat Jihad

Jihad dibahagikan kepada empat peringkat iaitu

- a. Jihad melawan nafsu (diri sendiri).
- b. Jihad melawan syaitan.
- c. Jihad melawan orang-orang kafir dan munafik, dan
- d. Jihad memberantas kezaliman, bida' ah, dan kemungkaran.

Perkataan jihad dengan berbagai makna disebut sebanyak 31 kali di dalam al Quran. Sementara perkataan Qital (perang), hanya disebut sebanyak 4 kali sahaja. Jika kita perhatikan, makna jihad dalam al Quran dan Hadis lebih luas dan lebih umum dari sekadar perang. Jika perang bermakna “berhadap-hadapan dengan bersenjata”, maka jihad bermakna “mengerahkan segala usaha untuk menghadapi musuh” baik musuh tersebut adalah manusia yang zalim mahupun syaitan yang mana setiap umat Islam wajib menghadapinya termasuklah jika musuh itu adalah dirinya sendiri. Oleh kerana terdapat pelbagai definisi jihad, maka terdapat pelbagai juga cara melaksanakannya. Ada jihad dilakukan dengan jiwa, harta, ucapan – dalam erti lain dengan hujah-hujah atau dengan al-Quran. Semua itu dalam konteks menjelaskan Islam dan mendakwahkan nya kepada masyarakat. Semua jenis dan makna jihad di atas, disebutkan dalam al-Quran dan Sunnah.

Umat Islam harus sedar dan mengetahui bahawa jihad dengan jiwa atau harta (seperti perang atau mengikut ketenteraan contohnya) disyaratkan dalam al-Quran mestilah harus di dilaksanakan di jalan Allah S.W.T dan dengan tujuan untuk meninggikan kalimat Allah. Di antara hal yang harus diikuti agar kita tetap berada di dalam aturan Islam, adalah selalu mengaitkan jihad dengan cita-cita kemanusiaan yang tinggi. Salah satu perkara yang harus diperhatikan, bahawa jihad dalam falsafah Islam bukan untuk penaklukan, penjajahan, menguasai kekayaan sumber alam pihak lain, menindas dan merendahkan bangsa lain atau tujuan materialistik lainnya yang telah mencetuskan timbulnya peperangan di peradaban besar dari zaman dulu hingga sekarang.

Jihad dan Perang

Sebenarnya, fatwa jihad sudah menjadi fardhu Ain dikeluarkan oleh Syeik Abdullah Azzam di era perang di Afghanistan lewat tahun 1980an. Abdullah Azzam mengeluarkan fatwa ini berdasarkan situasi dan konteks di Afghanistan walau pun ia bertentangan dengan pendapat gurunya sendiri iaitu Syeik Abdullah Baz (Mufti Besar Mekah ketika itu). Sebenarnya, fatwa ini lah yang dipakai oleh golongan-golongan fundamentalis seperti ISIS, Al Jamaah Al Islamiyah, Darul Islam, Kumpulan Abu Sayyaf dan Mujahidin Chenchen kerana kesemua pemimpin dan pengasas kumpulan ini pernah dilatih dan atau bertemu dengan Abdullah Azzam semasa perang di Afghanistan dahulu. Justeru, adalah tidak menghairankan jika ISIS juga mengguna pakai fatwa ini kerana Abu Musab Al Zarqawy


iaitu pengasas ISIS pernah menyertai perang di Afghanistan ketika beliau berumur 23 tahun. Fahaman ini dikutip dari pengalaman dan pengajian beliau semasa di Afghanistan lagi.

Jihad bukanlah sekadar perang yang menjadikan segala sebab, faktor dan tujuan ia dilakukan tetapi jihad hanya terbatas pada berperang di jalan Allah. Jika tujuan perang sudah keluar dari batasan ini, maka ia bukan lagi disebut jihad, tapi perbuatan yang keji yang ditolak oleh syariat dan aturan Islam. Dari sini, kita boleh mendefinisikan bahawa jihad adalah, *“Perang di jalan Allah sama ada mengikut secara langsung di barisan tentera, melatih, memberi pendapat dan strategi, memberi rawatan atau pun pengorbanan apajua yang bertujuan untuk membela keyakinan dan tanah air.”*

Namun begitu, kita harus tahu membezakan di antara dua istilah yang mengelirukan dan menimbulkan pemahaman yang negatif dalam mengertikan jihad dalam konteks perang di jalan Allah. Dua istilah tersebut adalah **al-qatl (pembunuhan)** dan **al-qital (peperangan)**. Kedua-dua istilah ini sangat jauh perbezaannya. Pembunuhan bermakna usaha membunuh pihak lain dengan senjata. Ia bermaksud pembunuh di satu pihak dan terbunuh (mangsa) di pihak yang lain. Sebagai contohnya, ISIS membunuh sesiapa sahaja yang tidak menyokong atau menyertai kumpulan mereka termasuklah orang awam yang tidak terlibat dalam konflik (seperti golongan Yazidis yang tinggal di Pergunungan Sinjar). ISIS juga membunuh sesiapa sahaja yang tidak sehaluan dengan ideologi salafi takfiri mereka. ISIS bukan sahaja membunuh tentera Assad dan tentera Iraq tetapi mereka juga membunuh pejuang mujahidin yang lain seperti kumpulan Jaish Al Nasr, Ahrar ash Sham, Ansar Al Sham, Jaish al Islam, Afnad al Sham dan Jabhat An Nusra. Justeru, ini bukan lah jihad di jalan Allah S.W.T tetapi ia adalah merupakan satu pembunuhan untuk menewaskan musuh politik mereka!

Berbeza dengan peperangan yang melibatkan dua pihak yang saling menyerang maka masing-masing mengupayakan pembunuhan untuk melawan tindakan dari pihak lawan. Makna yang ada dalam istilah “jihad”, adalah makna kedua (peperangan), bukan makna pertama, iaitu pembunuhan. Kesimpulan akhir dari analisa ini adalah bahawa perintah jihad dalam Islam, bukanlah perintah membunuh, tapi perintah untuk berperang iaitu usaha mempertahankan diri dari serangan musuh dan untuk menahan dan menghentikan serangannya. Justeru, apa yang dilakukan oleh ISIS sekarang bukan lah jihad iaitu perang di jalan Allah S.W.T tetapi satu pembunuhan! **Kesimpulannya, hukum jihad tidak pernah menjadi fardhu ain (kerana jika ia telah berubah menjadi fardhu ain bermakna ia menjadi wajib dan sesiapa tidak melakukan perkara wajib maka mereka dikira berdosa) dan jihad bukan semata-mata bermaksud qital (perang) kerana ia mempunyai makna yang lebih luas lagi.**

- b. **Naratif 3 –ISIS Mengatakan Bahawa Hijrah ke Khilafah Islamiyah mereka telah menjadi kewajiban sekiranya umat Islam ingin mendapatkan kesempurnaan iman dan kesempurnaan hidup dalam sebuah negara.**



Bagaimana Melawan Naratif ini –Untuk menangkis naratif ini, umat Islam mesti memahami konsep dan makna hijrah dan menyesuaikan dengan realiti ajaran Islam serta situasi yang berlaku di Syria dan Iraq hari ini. Pengertian hijrah secara bahasa bererti berpindah tempat. Menurut syar'i, fuqaha mendefinisikan hijrah sebagai keluar dari *Darul Kufr* (negeri kufur) menuju ke *Darul Islam* (negeri Islam). Pengertian ini diambil dari lafaz 'hijrah' dan lafaz 'Muhajirin' (orang-orang yang berhijrah) yang disebut di dalam Al Quran itu sendiri dan juga hadis-hadis. Hijrah dalam Islam berlaku sebelum terjadinya pembukaan (*futuhat*) kota Mekah. Setelah berlakunya *futuhat* kota Mekah, maka 'tidak ada lagi hijrah' yang terjadi kerana orang Islam telah mencapai tahap berkemampuan untuk menzahirkan agamanya dan melaksanakan hukum-hukum Islam di negeri tersebut. Ibnu Abbas r.a telah meriwayatkan seperti berikut:

"Ketika peristiwa pembukaan Kota Mekah, Rasulullah S.A.W bersabda: (maksudnya) "Tiada lagi hijrah (dari Mekah ke Madinah) selepas pembukaan Mekah, tetapi yang ada hanyalah jihad dan niat. Apabila kamu dipanggil oleh pemerintah untuk berperang, maka berangkatlah" [Riwayat Bukhari dan Muslim].

Apabila sesebuah negeri telah dibuka oleh Islam, maka negeri tersebut telah bertukar dari *Darul Kufr* menjadi *Darul Islam*, maka secara automatiknya *Darul Kufr* tadi sudah tidak ada lagi. Oleh itu, tidak ada lagi tuntutan hijrah ke atas umat Islam di situ. Demikianlah halnya dengan tiap-tiap negeri yang telah dibuka oleh Islam, maka tidak ada lagi hijrah daripada negeri tersebut kerana ianya telah (bertukar) menjadi *Darul Islam*.

Persoalannya disini adakah Malaysia sebuah *Darul Kufr* sehingga mewajibkan kita untuk berhijrah? Mengapa ISIS mengajak umat Islam dari seluruh pelosok dunia untuk berhijrah dan berbai'ah kepada Khalifah mereka iaitu Abu Bakar Al Baghdadi? Apakah Malaysia ini *Darul Kufr* atau *Darul Harb*? Sebelum anda bercita-cita untuk berhijrah, apakah anda mengetahui asal pensyariatannya? Dalam Risalah Tabukiyah, Imam Ibnu Qoyyim membagikan hijrah kepada 2 kategori iaitu pertama, hijrah dengan hati menuju

Allah S.W.T dan RasulNya. Hijrah ini hukumnya fardhu ‘ain bagi setiap orang pada sebilang masa. Kategori yang kedua adalah hijrah dengan badan (fizikal) dari negeri kafir menuju negeri Islam. Di antara kedua kategori hijrah ini, hijrah dengan hati kepada Allah S.W.T dan RasulNya adalah yang paling utama.

Justeru, adakah Malaysia ini sebuah *Darul Kufr*? Apakah asas atau kayu ukur yang mengatakan Malaysia sebagai sebuah *Darul Kufr* sehingga anda perlu hijrah ke *Khilafah Islamiyah* ciptaan ISIS? Adakah semua umat Islam di Malaysia akan masuk ke neraka jika tidak berhijrah ke *Khilafah Islamiyah* ciptaan ISIS? Mari kita renungi dan fahami situasi dan konsep ini. Kayu ukur atau asas sesebuah negara dikategorikan sebagai *Darul Islam* atau *Darul Kufr* **adalah kondisi penduduknya, bukan sistem hukum yang diterapkan dan bukan pula sistem pemerintahan yang mendominasi negara tersebut'** sebagaimana diterangkan oleh Ibnu Taimiyyah. (Majmu' Fatawa, 18/282). Sebahagian ulama dan fuqaha pula mendefinisikan bahawa *Daulah* atau *Khilafah Islamiyah* adalah “sebuah daulah yang mana majoriti penduduknya adalah umat Islam dan di dalam negara tersebut ditegakkan padanya syi’ar-syi’ar Islam seperti azan, solat berjemaah, solat Jumaat di samping umat Islam bebas mengamalkan serta mempraktikkan ajaran Islam dengan bebas dan terbuka dan segala bentuk pelaksanaan aspek berkaitan agama Islam yang bersifat umum dan menyeluruh boleh dilaksanakan.

Justeru, berdasarkan definisi ini, negara seperti Malaysia ini adalah termasuk dalam kategori sebuah negara Islam kerana syi’ar-syi’ar Islam, baik aspek ritual dan pensyariatan Islam dapat dilaksanakan dengan bebas dan umat Islam sendiri mendominasi negara ini. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa masih banyak lagi aspek-aspek yang berkait dengan perundangan Islam yang masih perlu dilaksanakan mengikut syariat. Jika dibandingkan dengan hijrahnya Rasulullah S.A.W dari Mekah ke Madinah, perkara ini amat jelas tercatat dalam sejarah Islam kerana pada ketika itu Mekah masih dikuasai oleh kaum musyrikin Quraisy dan kondisi umat Islam sangat lemah dan hidup di bawah penindasan. Manakala kondisi dan situasi di Madinah pula, Islam dapat diterima dengan baik oleh masyarakat, bahkan berkembang pesat di kota itu. Atas alasan itulah Rasulullah S.A.W memberi keizinan untuk umat Islam yang berada di Mekah untuk berhijrah.

Seperkara lagi yang mesti difahami oleh umat Islam bahawa, adakah iman mereka tidak sempurna sehingga mereka tidak boleh masuk ke syurga hanya kerana mereka tidak berhijrah ke *Khilafah* ISIS? Cuba umat Islam buka minda dan fikiran mereka, adakah umat Islam yang tinggal di negara-negara seperti Kanada, Sweden, Finland, New Zealand, Singapura, United Kingdom, Afrika Selatan, Argentina, Rusia dan pelbagai lagi negara dalam dunia ini yang mana ada umat Islam menjadi penduduknya, kesemua mereka akan masuk neraka kerana iman mereka tidak sempurna dan kesemuanya masuk ke neraka kerana tidak menjadi warga *Khilafah Islamiyah* ciptaan ISIS? Bagaimana pula dengan golongan Mujahidin dan Taliban yang menjadi rakyat Afghanistan? Adakah mereka semua ini juga masuk ke neraka kerana tidak berhijrah ke *Khilafah Islamiyah* ciptaan ISIS? Malah, umat Islam di negara-negara yang dinyatakan ini menikmati hidup yang lebih sempurna, aman dan keselamatan mereka lebih terjamin berbanding dengan kehidupan di *Khilafah Islamiyah* ciptaan ISIS. Jangan lah umat Islam menjadi jumud dan sempit pemikiran sehingga tidak

boleh menilai situasi sebenar dunia hari ini dan melihat Islam itu sebagai satu agama yang sempit.

c. **Naratif 4 – ISIS Mengatakan Bahawa Perang di Syria dan Iraq adalah merupakan medan jihad untuk mencapai mati syahid.**

Bagaimana Melawan Naratif Ini: Pertamanya, umat Islam mesti mengetahui fakta sebenar tentang apa yang sedang berlaku di Iraq dan Syria. Umat Islam tidak boleh secara membuta tuli menyokong perjuangan ISIS hanya berdasarkan ikut-ikutan atau berdasarkan sentimen agama yang dimainkan oleh propaganda ISIS. Umat Islam juga mesti mengetahui tentang sejarah Islam agar mereka tidak terkeliru atau di manipulasi dengan apa yang digambarkan oleh ISIS di Timur Tengah. Menurut sejarah Islam, apa yang berlaku di Iraq dan Syria ini bukan hanya berlaku pada abad ini tetapi ia telah berlaku sejak 1400 tahun yang lalu. Konflik merebut kuasa dan pembunuhan sesama sendiri di kalangan orang Arab telah berlaku sejak sekian lama. Puncanya adalah perebutan kuasa yang di dominasi atas platform agama.

Banyak hadis telah menerangkan tentang peristiwa ini dan ada hadis-hadis palsu serta hadis *dhoif* yang dibawakan oleh ISIS untuk menyokong tindakan dan perlakuan mereka (sebagai contoh hadis berkenaan panji-panji hitam dan Imam Mahdi serta hadis tentang akhir zaman dan berlakunya kiamat bermula di Syria). Justeru, umat Islam harus berhati-hati apabila disajikan dengan hadis-hadis sebegini. **Kita bukan menolak hadis secara total tetapi kita menolak tafsiran hadis tersebut yang mana ia perlu di tafsir mengikut situasi sebenar yang berlaku pada hari ini di Syria dan Iraq.**

Umat Islam mesti mengetahui bahawa apa yang berlaku di Syria dan Iraq pada hari ini adalah Perang Saudara yang melibatkan beratus-ratus kumpulan yang ingin mendapatkan kuasa, mengawal wilayah serta mengawal sumber alam di Iraq dan Syria iaitu minyak. Baru-baru ini satu gencatan senjata telah diusahakan oleh dua proksi utama di Timur Tengah iaitu Rusia dan Amerika Syarikat dan melalui gencatan senjata ini, ia mengesahkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya 97 kumpulan kecil termasuk ISIS yang sedang berperang sesama sendiri dalam konflik tersebut. Kesemua kumpulan yang sedang berperang sesama sendiri ini adalah terdiri dari umat Islam yang berbeza ideologi dan dari kabilah yang berbeza. Justeru, mengapa umat Islam mengatakan konflik di Syria dan Iraq adalah medan jihad? Mereka berperang bukan kerana mempertahankan agama Islam atau berperang di jalan Allah S.W.T tetapi mereka sedang berebut kuasa. Oleh itu apa yang berlaku di Syria dan Iraq bukanlah merupakan medan jihad tetapi medan umat Islam membunuh sesama sendiri kerana merebut kuasa politik dan ekonomi!

Umat Islam yang ingin berjihad di Syria dan Iraq sebenarnya hanya menyertai Perang Saudara antara kabilah dan *warlords* di sana dan sesiapa yang mati dalam konteks Perang Saudara tersebut sebenarnya mati sia-sia sahaja. Seperti yang telah diterangkan, konsep dan makna jihad itu sebenarnya lebih luas bukannya terhad kepada perang di Syria dan Iraq sahaja! Cuba buka minda kita, **adakah sekiranya umat Islam tidak berhijrah ke Syria atau Iraq serta menyertai “jihad” anjuran ISIS maka umat Islam akan masuk ke neraka!**.Sangat jelas ISIS memanipulasi istilah jihad dan hijrah untuk memenuhi tuntutan dan agenda politik mereka.

d. **Naratif 5 – ISIS memberi gambaran bahawa kehidupan di Khilafah Islamiyah mereka adalah yang terbaik sebagaimana tuntutan dalam agama.**



Melawan Naratif Ini: Sekali lagi, umat Islam mesti membuka minda mereka dan memahami konteks dan situasi dunia pada hari ini. Maklumat serta berita tentang apa yang berlaku di Syria dan Iraq pada hari ini boleh diakses dengan mudah. Justeru, umat Islam harus berlapang dada dan berpijak di bumi yang nyata. Adakah situasi dan kondisi kehidupan di Iraq dan Syria sekarang begitu kondusif dan lebih baik dari kehidupan di Malaysia? Cuba lihat statistik rakyat Syria dan Iraq yang telah menjadi pelarian ketika ini? Cuba kita selidiki status dan statistik rakyat Syria dan Iraq yang mati dibunuh atau terbunuh dalam konflik Perang Saudara ini? Cuba lihat kehancuran fizikal dan modal insan yang sedang berlaku di Syria dan Iraq? Sekiranya ISIS mengatakan bahawa kehidupan di *Khilafah Islamiyah* mereka lebih baik, mengapa berjuta-juta rakyat Syria dan Iraq kini menjadi pelarian?

Umat Islam mesti memahami dan mengakui bahawa Persatuan Ulama Muslim Sedunia (IUMS) telah menyatakan bahawa **deklarasi “Khilafah Islamiyah”** yang diisytiharkan oleh ISIS adalah **“deklarasi yang batil dari segi syariat”**. Ketua Ulama Sedunia iaitu Syeikh Yusuf Qaradawi dan Setiausahanya, Syeikh Ali Qaradaghi telah menegaskan deklarasi kekhalifahan itu tidak mengikut syariat Islam dan ianya amat berbahaya bagi golongan Ahlus Sunnah. Persatuan Ulama Sedunia juga meminta kepada segenap kelompok Islam di dunia supaya menghormati pemahaman-pemahaman Islam yang diagungkan di tengah masyarakat serta menghindari tindakan yang dapat mengelirukan

dunia ijtihad, iaitu tindakan mengambil keputusan tanpa melibatkan *ahlul halli wal aqdi* yang terdiri atas para ulama, ahli fikih dan pakar keislaman. Persatuan Ulama Sedunia juga mengingatkan supaya makna kekhalifahan Islam tidak dikaitkan dengan “sebuah organisasi yang dikenal ekstrem dan sama sekali tidak membantu hal-hal yang sah dalam Islam”.

Justeru, umat Islam harus berpijak di bumi yang nyata. Hari ini pembunuhan terhadap umat Islam paling banyak berlaku hampir setiap hari di negara yang majoritinya umat Islam. Ia dilakukan oleh pemimpin dan orang yang mengaku beragama Islam. Lihat sahaja contoh-contoh apa yang berlaku di Mesir, Iraq, Syria dan Sudan. Lihat juga apa yang berlaku di Mesir pada bulan Sep 2013. Rakyat Mesir adalah 80 peratus befahaman ahli Sunnah wal jama’ah dan tentera Mesir juga adalah orang Islam yang befahaman ahli Sunnah wal jama’ah. Justeru, mengapa mereka membunuh sesama sendiri. Seburuk-buruk Yahudi di Israel, tenteranya tidak sampai ke tahap membunuh rakyat yang mempunyai pegangan agama yang sama. Apabila ia berlaku di negara yang majoriti penduduknya adalah umat Islam maka slogan ‘*Islam is a solution*’ itu adalah retorik yang dimanipulasi oleh orang Islam sendiri demi kepentingan politik sempit mereka.

Sedangkan umat Islam yang menjadi minoriti di kebanyakan negara bukan Islam hidup dengan aman damai, berpeluang menguasai sektor ekonomi dan pendidikan, mereka tidak ditindas dan bebas mempraktikkan ajaran agama Islam. Adakah golongan seperti ISIS ini ingin mengatakan bahawa mereka ini berdosa kerana tidak berjuang menegakkan *Khilafah Islamiyah*. Adakah semua umat Islam ini akan masuk ke neraka kerana tidak berhijrah dan memperjuangkan *Khilafah Islamiyah* yang kononnya telah menjadi fardhu ain mengikut hukum yang dijatuhkan oleh golongan ISIS. Disebabkan pandangan binari-dikotomi ini lah yang menjurus umat Islam ketinggalan dalam segenap bidang. Malah lebih buruk lagi gagasan-gagasan politik golongan seperti ISIS ini sebenarnya mengajak umat Islam hidup dalam permusuhan dengan orang bukan Islam hanya disebabkan gagasan *utopia* mereka sedangkan banyak lagi perkara yang lebih utama perlu dilakukan bagi meningkatkan taraf hidup, kesejahteraan, keharmonian, pendidikan, ekonomi, keadilan dan kehidupan seharian umat Islam.

Sebenarnya, selagi sebuah negara melaksanakan *etos* Islam dan kemudiannya menegakkan keadilan sosial serta mencipta satu masyarakat yang harmoni, di mana tidak ada manusia mengambil kesempatan di atas manusia yang lain mahupun mengeksploitasi antara kelompok dengan kelompok yang lain, maka ia sudah dikira sebagai satu negara yang baik. Walaupun sesebuah negara itu tidak disebut sebagai negara Islam tetapi jika pemerintahannya melaksanakan nilai-nilai keadilan, kejujuran, amanah dan memihak kepada kepentingan rakyat maka negara itu sudah dapat dikategorikan sebagai sebuah negara Islam.

Menurut pandangan seorang cendekiawan Islam kontemporari iaitu Prof Dr Bakhtiar Effendi pula, polemik *Khilafah Islamiyah* ini tidak perlu diteruskan kerana ia tidak akan berkesudahan dan apa yang penting ialah umat Islam memperbaiki status dan kondisi mereka dalam aspek ekonomi, pelajaran, sosial dan teknologi yang masih jauh ketinggalan dan tidak hanya menumpukan kepada aspek-aspek kerohanian sahaja. Aspek kerohanian semata-mata tidak akan mampu memperbaiki kondisi umat Islam masa kini ditambah pula

dengan perjuangan menegakkan *Khilafah Islamiyah* yang terlalu *ambitious* walaupun ia penting tetapi usaha harus ditumpukan kepada mengembalikan kegemilangan umat Islam dalam aspek-aspek yang telah dinyatakan kerana hanya dengan memiliki kelebihan dalam bidang-bidang tersebut maruah umat Islam akan terbela.

Oleh kerana Islam tidak menetapkan bentuk atau model sebuah Negara Islam yang tepat atau ideal justeru, penulis merumuskan bahawa apa yang penting adalah sesebuah pemerintahan itu sepatutnya menekankan tentang sebuah pemerintahan yang adil, ikhsan, jujur, saksama, menjanjikan keamanan dan kesejahteraan kepada warganegaranya, ikhlas, tiada penyimpangan dari syariat dan segala bentuk hukum yang berkaitan dengan syariat dikembalikan kepada Al Quran dan sunnah Nabi S.A.W. Dalam ertikata lain, penegakan keadilan dan memberikan hak yang sewajarnya kepada warganegara itu lebih penting dari *utopia* penegakan sebuah *Khilafah Islamiyah* yang tidak berpenghujung dengan melihat contoh-contoh yang ada di merata pelosok dunia sekarang. Kesimpulannya, sekiranya umat Islam kekal tinggal di negara-negara di mana mereka diami sekarang, mereka juga layak masuk syurga dan menikmati hidup yang sempurna.

e. Naratif 6 – ISIS mempromosi bahawa Khilafah Islamiyah mereka adalah model Negara Islam seperti mana Negara Islam Madinah (Piagam Madinah).

Bagaimana Melawan Naratif Ini: Negara Islam kekal menjadi wacana yang tidak henti dilaungkan di setiap peradaban Islam. Sistem negara Islam digembur-gemburkan sebagai sistem politik yang paling ideal kerana segala peraturan dan ketentuannya bersumber dari Tuhan sehingga dimungkinkan tidak ada kecacatan dan kekurangan jika sistem ini diterapkan. Umat Islam terlupa bahawa Sayidina Umar semasa menjadi Khalifah pernah mengambil model ekonomi dan percukaian dari amalan kerajaan Byzantin dan Romawi yang mana kedua-dua kerajaan ini adalah kerajaan kafir. Hingga kini konsep negara Islam memang terus diperjuangkan oleh pelbagai gerakan baik umat Islam di Timur Tengah mahupun di Asia Tenggara. Sebagai contoh, Hizbut Tahrir menjadi salah satu organisasi multi nasional yang paling lantang memperjuangkan konsep negara Islam (sistem Khilafah) tetapi mereka memperjuangkan melalui kaedah dakwah (mengikuti dakwaan mereka).

Selain itu, sekarang ini kita mengenal organisasi Islam radikal bernama ISIS iaitu sebuah *Khilafah Islamiyah* ciptaan mereka yang meliputi sebahagian wilayah Iraq dan Syria. Di bawah pimpinannya Abu Bakar al-Baghdadi, organisasi ini terus melakukan tindakan keganasan dan kekerasan di di Iraq dan Syria serta beberapa negara di dunia ini. Jika kita meninjau perjuangan ISIS, Hizbut Tahrir dan Al Jama'ah Al Islamiyah dapat disimpulkan bahawa sistem negara Islam (*Islamic State*) menurut beberapa kelompok ini dianggap sebagai sistem politik yang paling ideal untuk mengatur peradaban manusia sehingga perlu diperjuangkan jika ingin mencapai sebuah peradaban yang ideal.

Namun jika dilihat dalam sudut pandang sejarah, benar kah Nabi S.A.W pernah mencontohkan penegakan sebuah negara Islam dengan berdasarkan sumber-sumber hukum Islam (al-Qur'an dan Hadis)? Perjuangan dakwah Rasulullah memang diakui sangat rumit dan sangat berat penentangannya. Bermula dengan dakwah secara diam-diam, akhirnya Rasulullah melakukan hijrah ke Madinah dan membuat peradaban. Di Madinah, Rasulullah

memang banyak membuat perubahan yang cukup besar. Berbagai agenda untuk menyatukan pelbagai kabilah yang bertikai menjadi agenda keutamaan Rasulullah.

Di atas kebijaksanaan Nabi S.A.W menyatukan kabilah-kabilah yang bermusuhan ini satu masyarakat yang aman berjaya dibangunkan di Madinah. Nabi S.A.W memperkenalkan perjanjian antara kabilah yang dipanggil *Mithaq-i-Madinah* (Perjanjian Madinah) yang memberi kesaksamaan hak kepada semua kabilah dan agama seperti Islam, Yahudi dan lain-lain agama. Justeru, setiap kelompok dan agama bebas mengamalkan agama dan tradisi masing-masing dengan aman dan harmoni. Perjanjian Madinah ini secara tidak langsung kemudiannya menjadi konstitusi atau perlembagaan bagi 'negara' Madinah di mana ia memayungi undang-undang yang selama ini diamalkan oleh kabilah-kabilah di pelbagai wilayah di Madinah pada ketika itu.

Piagam Madinah sebenarnya merupakan *memorandum of understanding* atau perjanjian yang digunakan sebagai dasar untuk mengatur kehidupan bermasyarakat di Madinah kala itu. Piagam Madinah terdiri dari 47 klausa. Setiap klausa bertujuan mengikat dan menyatukan semua kabilah dan tidak hanya mengutamakan kepentingan kaum Muslimin semata-mata.

Sebagai contohnya dalam Klausa 2 - disebutkan bahawa "*Kaum Muslimin adalah umat yang bersatu utuh, mereka hidup berdampingan dengan kelompok-kelompok lain*" yang memberikan indikasi dan membuktikan bahawa umat Islam tidaklah menjadi kelompok yang eksklusif dari masyarakat yang pelbagai walaupun jumlah mereka mendominasi Kota Madinah. Dalam Klausa 24 pula, Piagam ini menyatakan bahawa "*orang Islam dan Yahudi harus saling bantu membantu dalam memikul biaya peperangan*" dan dalam Klausa 44, Piagam ini menyatakan "*mereka para pendukung Piagam Madinah harus saling bantu membantu jika kota Yathrib (Madinah) di serang*".

Apa yang menarik dalam intipati Piagam Madinah ialah Nabi S.A.W telah menyedari bahawa semangat nasionalisme yang menjadi dasar pembentukan sebuah bangsa dan bukannya agama Islam yang dijadikan dasar penyatuan oleh Nabi S.A.W. Masyarakat Madinah yang pelbagai agama dan budaya disatukan berdasarkan konsep nasionalisme Madinah dan ia terbukti amat efektif. **Apa yang lebih menarik lagi adalah Nabi S.A.W tidak menggunakan Islam sebagai dasar negara. Ini terbukti bahawa tidak ada satu klausa pun yang menjelaskan mengenai Islam sebagai dasar negara yang ketika itu dipimpin oleh Nabi S.A.W.** Pada ketika itu, Nabi S.A.W tidak hanya memperjuangkan kepentingan dan kelangsungan hidup umat Islam saja, namun masyarakat Madinah secara keseluruhannya.

Semasa kepimpinan Nabi S.A.W di Madinah, **baginda tidak pernah secara jelas mengatakan sistem kepemimpinannya tersebut sebagai Khilafah, Imamah ataupun Daulah.** Nabi S.A.W juga belum sempat menciptakan sistem pergantian kepemimpinan. Sebab itu selepas kewafatan Nabi S.A.W terjadinya kekeliruan tentang bagaimana tata cara pemilihan pemimpin politik. Sebagai seorang Rasul memang Nabi S.A.W tiada pengganti tetapi sebagai seorang pemimpin politik perlu adanya seorang penerus. Kekeliruan tentang tatacara memilih pengganti pemimpin politik ini terus menjadi polemik dalam dunia Islam

termasuklah di zaman Khalifah Ar Rashidin, Dinasti Umaiyyah, Dinasti Abassiyah dan Dinasti Turki Uthmaniyah malah hingga ke hari ini. Sebab itu kita melihat pelbagai praktik pemerintahan yang diamalkan oleh pelbagai negara Islam di dunia pada hari ini (contohnya demokrasi, sekularisme, nasionalisme, autokratik, monarki, rejim tentera dan sebagainya).

Sebenarnya, Perjanjian Madinah (perjanjian antara kabilah) ini bukan lah merupakan perlembagaan bagi sebuah Negara Islam seperti yang dicanangkan oleh golongan ISIS. Jika ia benar merupakan sebuah konstitusi atau perlembagaan bagi sebuah negara maka ia sepatutnya digunakan oleh Nabi S.A.W sebagai perlembagaan negara setelah tentera Islam menakluk Mekah pada tahun 630 Masihi. Atas alasan yang sama, mengapakah perlembagaan ini tidak digunakan oleh Khalifah Abu Bakar untuk mentadbir Mekah setelah beliau dilantik menjadi Khalifah yang pertama selepas kewafatan Nabi S.A.W pada tahun 632 Masihi. Ini menjelaskan bahawa Perjanjian Madinah itu adalah perjanjian antara kabilah yang terpakai di Madinah sahaja dan ia diguna pakai dalam konteks dan situasi pada masa tersebut sahaja (*one-time contract*).

Justeru, pembohongan ISIS tentang *Khilafah Islamiyah* mereka yang mencontohi model Negara Islam Madinah sepertimana yang dilakukan oleh Nabi S.A.W adalah amat jelas. Ciri-ciri *Khilafah Islamiyah* ciptaan ISIS ini amat jauh berbeza dengan model negara Islam Madinah ciptaan Nabi S.A.W. Oleh itu, umat Islam seharusnya menyedari bahawa naratif ISIS yang mengatakan bahawa *Khilafah Islamiyah* mereka mencontohi model Negara Islam Madinah adalah satu pembohongan yang jelas dan nyata. Sebagai kesimpulannya, umat Islam jangan lah terkeliru dengan naratif penegakan sebuah *Khilafah Islamiyah* kerana ia sebenarnya tidak dicontohkan oleh Nabi S.A.W dan perintah tersebut tidak dinyatakan di dalam Al Quran.



Disediakan oleh: Lt Kol Dr Zulkarnain Haron – Task Force PERISAI WIRA, BSPP